



## 雅維林酒店送溫情

馬六甲雅維林酒店日前趁农历新年即将来临，到峇章幸福花园Warm

Homes Care Centre探访一群长者，并赠送红包及物资，让该中心长者感受社会温情。

# Hotel Avillion teruskan tradisi bantu warga emas sempena TBC

Oleh **AFLIEZA ARSHAD**

**BACHANG** 7 Feb. - Seramai 32 warga tua menerima sumbangan sempena Tahun Baru Cina (TBC) dalam satu majlis ringkas di *Warm Homes Care Centre*, Taman Rumpun Bahagia dekat sini, baru-baru ini.

Mereka terdiri masyarakat Cina yang akan meraikan sambutan TBC pada minggu hadapan menerima sumbangan angpau dan cenderahati peribadi daripada Pengurus Besar Pengurus Besar Hotel Avillion Legacy, Low Kee Nam.

Kee Nam berkata, walau-

pun sumbangan itu kecil, tetapi ia adalah tanda ingatan sempena menyambut TBC selain berharap mereka dapat merayakan hari itu dengan gembira.

"Selain itu, Program CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) pada badan kebajikan itu sedikit sebanyak dapat mengembirakan warga emas itu sebagai tanda sokongan dan inisiatif badan korporat bersama masyarakat.

"Saya harap program seperti ini dapat diadakan lagi pada masa depan dan para penghuni juga dapat merai-

kan perayaan ini dengan gembira sama seperti masyarakat lain.

"Saya juga berharap lebih banyak badan korporat dapat menyalurkan sumbangan membantu mereka yang memerlukan selain menjadi contoh teladan kepada yang lain," katanya.

Hadir sama, Pengurus Pemasaran Hotel Avillion, Aisyah Arif dan Pengurus Warm Homes Care Centre, Vivien Chai.

Selain itu, pihak Hotel Avillion turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian seperti beras, min-

yak, gula, susu dan biskut untuk kegunaan pusat tersebut.

Sementara itu, Vivien bersyukur kerana sentiasa ada bantuan dari masyarakat sekitar yang prihatin terhadap warga emas di bawah jagaan pertubuhan NGO tersebut.

"Kami bergerak sepenuhnya atas bantuan dan sumbangan orang ramai untuk membantu menjaga warga emas yang tiada waris serta mereka yang berdepan masalah kesihatan.

"Bantuan ini sedikit sebanyak dapat meringankan

pihak pengurusan mengendalikannya rumah kebajikan serta penghuni di sini," katanya.

Penghuni pangling tua, Cheong Song, 95, semasa menerima kedatangan pihak Hotel Avillion, memberi reaksi gembira kerana bakal menyambut TBC dengan suasana yang lebih meriah.

Cheong yang turut menerima angpau berkata, dia akan belanjakan wang itu untuk membeli persiapan meraikan tahun lunar tersebut yang berbaki hanya beberapa hari lagi.



**KAKITANGAN** Hotel Avillion bergambar bersama penghuni rumah kebajikan terbabit semasa mengunjungi mereka sempena sambutan TBC.



**VIVIEN** menerima hamper dan barangan keperluan harian daripada Kee Nam untuk kegunaan pusat kebajikan tersebut.



4



凡... 贈物品  
... 面...  
... 心...  
... 員...  
... 員...









